



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

**NAMA KURSUS : LATIHAN DAN PEMBANGUNAN
KOD KURSUS : DSM2153
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021
MASA : 3 JAM**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (80 Markah)
BAHAGIAN B (20 Markah)

Jawab semua soalan di Bahagian A dan pilih **SATU (1)** soalan sahaja di Bahagian B.

2. Sila rujuk arahan terperinci di dalam kertas soalan ini
3. Jawab soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
- i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

- a. Huzaifah merupakan seorang jurulatih yang berjaya. Huraikan ciri-ciri untuk menjadi seorang jurulatih yang berjaya sebagaimana Huzaifah.

(10 markah)

- b. Jelaskan kesan positif kepada pekerja apabila mereka terlibat dengan program latihan dan pembangunan yang disediakan oleh majikan.

(10 markah)

SOALAN 2

- a. Asyurah merupakan seorang Pegawai Sumber Manusia di Fareja Sdn. Bhd. Beliau ingin mendapatkan maklumat tentang masalah yang dihadapi oleh pekerja di tempat kerjanya terhadap skop tugas. Daripada tiga komponen analisis yang anda pelajari, pilih salah satu komponen yang bersesuaian untuk membantu Asyurah mendapatkan maklumat pekerja di syarikatnya.

(10 markah)

- b. Syarikat Taurus Star Sdn. Bhd. bercadang untuk melaksanakan program latihan dan pembangunan pekerja. Program ini bertujuan untuk menangani konflik yang berlaku dalam kalangan staf pengurusan yang sering bergaduh di tempat kerja. Anda telah diminta untuk menyediakan kertas kerja bagi menjalankan program latihan yang bersesuaian dengan staf pengurusan berkenaan.

(25 markah)

SOALAN 3

- a. Jurulatih memberikan arahan kepada pelatih supaya melakukan aktiviti *role play* yang berkaitan dengan tekanan pekerja di tempat kerja. Kenapakah jurulatih lebih cenderung menggunakan kaedah ini berbanding dengan kaedah lain? Jelaskan secara terperinci.

(15 markah)

- b. Aura White Sdn. Bhd merupakan sebuah syarikat produk kecantikan yang terkemuka di Malaysia. Syarikat ini telah beroperasi selama dua tahun dan mempunyai 20 orang pekerja sahaja. Cadangkan strategi organisasi untuk pembangunan kerjaya seseorang pekerja di Aura White Sdn. Bhd.

(10 markah)

[80 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Pilih **SATU (1)** soalan sahaja. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Syarikat Ali Burger Sdn. Bhd. akan mengadakan program latihan kepada pekerja di Jabatan Produksi. Ini disebabkan kerana pekerja di jabatan berkenaan masih lagi tidak mahir menggunakan mesin pembuatan burger secara optimum. Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pekerja di Jabatan Produksi dalam sesuatu bidang pekerjaan yang dilakukan oleh mereka. Walau bagaimanapun, terdapat juga faktor-faktor yang menyumbang kepada kegagalan pemindahan latihan di tempat kerja.

- a. Cadangkan satu teknik latihan yang sesuai digunakan oleh jurulatih untuk melatih pekerja di Syarikat Ali Burger Sdn. Bhd.

(10 markah)

- b. Apakah faktor pendorong dan penghalang terhadap pemindahan latihan di Syarikat Ali Burger Sdn. Bhd.?

(10 markah)

SOALAN 2

- a. Jelaskan proses laluan kerjaya yang perlu dilalui oleh seorang pekerja sepanjang berkhidmat di dalam organisasi.

(10 markah)

- a. Sejauh manakah e-Latihan memberikan kesan yang positif terhadap program latihan kepada pekerja?

(10 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT